

2½ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN MARA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab Soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.


**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

*Lihat gambar di bawah dengan teliti.*

Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk memajukan sektor pelancongan negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**USAHA MEMAJUKAN SEKTOR PELANCONGAN NEGARA**

**Bahagian B****[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

- 1 Khidmat bimbingan dan kaunseling di sekolah dapat membantu pelajar menangani masalah peribadi, akademik dan kerjaya.

Huraikan faedah-faedah yang anda peroleh melalui khidmat bimbingan dan kaunseling.

- 2 Selaku Pegawai Kesihatan Daerah, anda diminta untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk ‘Amalan Baik dalam Penjagaan Kesihatan’ sempena Hari Kesihatan Sedunia kepada masyarakat setempat.

Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.

- 3 Guru memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi berilmu.

Ulaskan pernyataan tersebut.

- 4 Penyertaan pelajar dalam pelbagai program dan pertandingan di peringkat antarabangsa dapat mengharumkan nama negara di mata dunia.

Jelaskan manfaat-manfaat yang diperoleh melalui penyertaan dalam program dan pertandingan itu.

5

*adat sezaman ditinggal jauh  
adat agama dipandang remeh  
adat kuning menjadi ikutan*

Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada Sajak ‘Adat Sezaman’ yang membawa maksud sikap masyarakat yang semakin melupakan adat resam, memandang remeh ajaran agama dan mengamalkan budaya kuning.

Huraikan peranan masyarakat untuk membentuk sahsiah terpuji dalam kalangan remaja.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT  
1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
September  
2013  
2½ jam



1103/2

## MAKTAB RENDAH SAINS MARA

### PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

#### BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

**Soalan 1: Rumusan****[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah keselamatan penggunaan perbankan elektronik dan faedah-faedah penggunaan perbankan elektronik. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kini urusan perbankan hanya di hujung jari. Cara penggunaannya cukup mudah; pengguna hanya perlu menatap skrin komputer, melayari laman sesawang perbankan yang dipilih, menaip kata laluan atau nombor pin kemudian memilih urusan transaksi yang diperlukan, dan dalam beberapa minit urusan tersebut dapat diselesaikan. Aplikasi perbankan elektronik mula dibangunkan di Malaysia setelah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia pada 1 Jun 2000 dan Maybank merupakan institusi kewangan pertama menjalankan perkhidmatan perbankan dalam talian dengan portal perbankannya [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).

Faktor keselamatan dan privasi merupakan dua perkara paling dominan yang mempengaruhi keputusan pengguna untuk menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik. Aspek keselamatan dalam penggunaan aplikasi ini sebenarnya terletak di tangan pengguna sendiri dengan memastikan kata laluan ke akaun pengguna sukar diteka oleh orang lain. Oleh itu, pengguna wajar mengelakkan penggunaan nombor telefon, tarikh lahir ataupun maklumat yang sudah biasa digunakan sebagai kata laluan. Pengguna juga perlu kerap menukar kata laluan agar penceroboh di internet gagal mencuri kata laluan. Setelah segala urusan ditamatkan, pengguna juga disarankan supaya memadamkan semua data berkenaan aktiviti internet mengikut cara yang dipaparkan oleh pengendali perbankan elektronik. Sekiranya data ini tidak dipadamkan, data akan berada dalam memori komputer dan boleh dikesan oleh penggodam internet.

Pengguna sering diingatkan supaya tidak melayani e-mel yang meminta mereka menukar nombor pin atau kata laluan perbankan. Banyak kes dilaporkan bahawa pengguna kehilangan wang dalam sekilip mata setelah terpedaya dengan e-mel yang kononnya dihantar oleh pihak bank meminta mereka mengemas kini maklumat pelanggan. Hyperlink pada e-mel atau paparan oleh apa-apa jua laman sesawang, berkemungkinan besar telah dihubungkan kepada portal rekaan para penggodam internet justeru pengguna dinasihati agar tidak melayari atau mengakses laman sesawang perbankan elektronik dengan jalan pintas. Pelanggan yang bijak juga tidak akan sewenang-wenangnya memberikan kata laluan perbankan elektronik kepada sesiapa sahaja. Bagi mengelakkan sebarang masalah teknikal atau kesilapan, pengguna perlu memastikan resit transaksi disimpan untuk rujukan.

Sekiranya perlu mencatat kata laluan atau nombor pin kerana bimbang terlupa, pengguna mencatatkannya di tempat yang selamat. Terdapat juga pengguna yang tertipu dengan penghantar sistem pesanan ringkas (SMS) yang mengaku ahli keluarga terdekat, lalu mendedahkan maklumat perbankan mereka. Oleh itu, jangan mudah percaya dengan SMS yang meminta kita menghantar maklumat rahsia. Pengguna harus menyiasat terlebih dahulu kesahihan SMS tersebut.

Walaupun perbankan elektronik berisiko, inisiatif pengguna penting untuk mendapatkan maklumat terkini agar penggodam tidak berjaya menembusi tembok keselamatan yang dibina. Pihak bank pula seharusnya sentiasa menaik taraf sistem keselamatan mereka memandangkan pelbagai teknologi dan kaedah penipuan *dicipta untuk menerobos* sistem keselamatan aplikasi di internet.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Urusan Perbankan di Hujung Jari'  
oleh Siti Zakiah Melatu Samsi,  
*Dewan Masyarakat, April 2011*)

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *dicipta untuk menerobos*? [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa cara menggunakan khidmat perbankan elektronik.  
Nyatakan cara-cara tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapa khidmat perbankan elektronik kurang mendapat sambutan daripada pengguna?
- Jelaskan dua sebab. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

MAK SOM: (Kepada INTAN SITI RAHIMAH) Pak Tuan dah berangkat balik.

PAK TUAN DOLAH: Intan, lusa mereka akan datang. Jamuan kali ini hendaklah lebih daripada yang biasa, sebab ada orang-orang yang lebih besar.

INTAN SITI RAHIMAH: Siang tadi Intan ke surau. Orang-orang kampung masih mengatakan kekotoran daripada kandang kuda mencemarkan air sungai. Anak-anak mereka sakit-sakit belaka, dan macam-macam lagi.

PAK TUAN DOLAH: Itulah dah dikatakan. Intan jangan ke surau mereka. Mengapa pergi mencemarkan kaki ke sana?

INTAN SITI RAHIMAH: Mereka datang sendiri menjemput. Takkanlah Intan tak pergi?

PAK TUAN DOLAH: Lain kali kata sibuk, tak usah pergi.

INTAN SITI RAHIMAH: Tetapi mereka ini isteri dan ibu kepada orang-orang yang bekerja dengan kita. Mereka besar hati datang menjemput. Itu pun takut-takut pula.

PAK TUAN DOLAH: Ya, mereka harus takut pada kita. Jika tidak naik kepala nanti. Intan harus sedar dengan siapa hendak bercampur gaul?

INTAN SITI RAHIMAH: Intan sedih melihat keadaan hidup setengah-setengah daripada mereka. Makanan anjing kita lebih baik daripada makanan mereka.

(Dipetik daripada drama ‘1400’ oleh Noordin Hassan  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan rungutan orang-orang kampung yang disampaikan oleh Intan Siti Rahimah kepada Pak Tuan Dollah. [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda Pak Tuan Dollah, apakah langkah-langkah yang akan anda ambil untuk memastikan sungai itu tidak terus tercemar? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** persoalan lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sudah maka ia pun pulanglah kepada makam itu. Maka Bayan itu pun menunjukkan dirinya kepada perempuan itu seraya katanya, “Bedebeh yang tiada berbudi engkau! Inilah orang yang kena murka kerana tiada malu. Sungguhpun ia Syeikh dan wali masakan ia berkata-kata dari kuburnya, melainkan akulah yang berkata kerana aku ingin membala peserajaanmu dahulu itu.” Maka kata perempuan itu, “Balaslah olehmu akan aku ini. Hai Bayan, hukumlah akan kesalahan aku ini, akan sekarang engkau *berbuat syafaat* apalah kiranya akan daku!” Maka Bayan itu pun terlalu sangat kasihan hatinya akan isteri saudagar itu seraya katanya, “Janganlah engkau bercinta, akulah akan memulangkan engkau dengan suamimu itu dan sabarlah engkau dahulu sehingga panjanglah rambut itu dan bulu kepingmu itu.” Maka isteri saudagar itu pun terlalu sukacitanya mendengar kata Bayan itu. Maka Bayan itu pun dipelihara oleh isteri saudagar.

Setelah berapa lamanya maka rambut isteri saudagar itu panjanglah. Maka Bayan itu pun teringatlah kepada tuannya saudagar itu lalu ia terbang ke rumah tuannya. Setelah sampai ia memberi salam kepada saudagar itu. Maka kata saudagar, “Hai ungas, datang dari manakah engkau ini?” Sahut Bayan itu serta mengempar-gemparkan sayapnya seperti laku orang menyembah seraya katanya, “Hambalah Bayan yang tuan hamba peliharakan dahulu itu. Maka pada suatu hari hamba diam kepada sangkaran hamba. Maka datanglah seekor kucing. Maka ditangkapnya hamba serta dikeluarkan hati hamba lalu dimakannya.”

(Dipetik daripada ‘Hikayat Khoja Maimun’  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berbuat syafaat*. [2 markah]
- (ii) Apakah reaksi Bayan setelah mendengar rayuan isteri saudagar tersebut? [3 markah]
- (iii) Nyatakan pendapat anda tentang kelebihan-kelebihan memberi maaf kepada seseorang yang pernah melakukan kesalahan terhadap diri kita.  
Berikan dua kelebihan. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 2(d) – Seloka**

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Seloka Si Luncai**

Md. Ali Bachik (ILADAM) – Penyelenggara

Sikap Si Luncai, biarkan, biarkan...  
Ada rumah tidak dijaga,  
Ada anak tidak dilatih,  
Ada ternakan tidak dibela,  
Ada kebun tidak ditanam,  
Ada cerdik tidak selidik,  
Ada belajar kepalang ajar,  
Ada mengaji tiada mengkaji,  
Ada mata tiada kuasa,  
Ada kuat tiada buat,  
Biarkan, biarkan...!  
Si Luncai pun terjun dengan labu-labunya.

**Khazanah Puisi Klasik Melayu, 2003**Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

*Ada kebun tidak ditanam,  
Ada cerdik tidak selidik,  
Ada belajar kepalang ajar,*

- (i) Berdasarkan baris seloka di atas, mengapakah pengarang menegur sikap Si Luncai? [3 markah]
- (ii) Dalam seloka tersebut, pengarang ada mengemukakan persoalan kepentingan menuntut ilmu.  
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesannya jika seseorang itu tidak bersungguh-sungguh menuntut ilmu? [3 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** latar masyarakat yang terkandung dalam seloka ini. [3 markah]

**Soalan 3 : Pengetabuan dan Kemahiran Babasa****[30 markah]***Jawab semua soalan.*

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) abadi
- (ii) akhlak
- (iii) iltizam
- (iv) istirahat
- (v) syumul
- (vi) zuriat

**[6 markah]**

- (b) Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat dengan lengkap bagi setiap ayat dalam petikan seperti yang berikut:

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

Seseorang juruterbang sering berhadapan dengan cabaran dan risiko. Kerjaya ini menuntut keberanian juruterbang memandu pesawat. Kemahiran memandu kapal terbang lebih sukar daripada memandu kenderaan lain. Cara pengendaliannya amatlah berbeza. Mereka perlu menjalani latihan khas di pusat latihan penerbangan. Juruterbang yang berkemahiran mampu menerbangkan pesawat tanpa mengira sama ada perjalanan itu jauh atau dekat.

**[6 markah]**

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Anggota keselamatan mengetatkan kawalan di segenap pelusuk kampung itu kerana kejadian penceroboh yang berlaku baru-baru ini.
- (ii) Setiap bandaraya di dunia biasanya mempunyai padatan penduduk melebihi sejuta orang.
- (iii) Pada zaman kegembilangan Kesultanan Melayu Melaka peranan hulu balang sangat penting untuk jaminan keamanan negeri.

**[6 markah]****[Lihat halaman sebelah**

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Dalam dokumentasi Tahun Melawat Malaysia pada pukul 8.00 malam tadi terdapat video klip berkenaan pengurusan perkhidmatan tren ke KLIA.
- (ii) Semasa Pembentangan Belanjawan 2012 Yang Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan pendidikan sebanyak RM2 bilion ke sekolah-sekolah di negara ini.
- (iii) “Hadiah kebesaran yang dianugerahkan oleh beta diharapkan menjadi motivasi kepada masyarakat,” titah raja kepada rakyatnya.

[6 markah]

(e) *Baca peribahasa di bawah dengan teliti kemudian nyatakan satu peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

- (i) Gagak pulang ke benua.
- (ii) Alang-alang berdakwat biar hitam.
- (iii) Musuh dalam selimut.

[6 markah]

**Soalan 4: Novel***[15 markah]*

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jual!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Huraikan dua persoalan kasib sayang yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

*[7 markah]*

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa yang menggambarkan teknik imbas kembali yang terdapat dalam setiap novel.

*[8 markah]***KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT  
1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Peraturan  
Pemarkahan  
Sept 2013

1103/1



## MAKTAB RENDAH SAINS MARA

### PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

#### UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

#### AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2013  
PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1**

**Peraturan Pemarkahan Bahagian A**

**Karangan berdasarkan bahan rangsangan**

1. Pemeriksa akan memeriksa karangan secara holistik dengan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
2. Karangan dinilai dari segi pendahuluan, perenggan isi dan penutup.  
Calon mestilah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.
3. Markah karangan akan dinilai oleh pemeriksa secara holistik. Langkah-langkah yang dilakukan semasa pemeriksaan adalah seperti yang berikut:-
  - a. Pemeriksa akan membaca karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya. Selepas itu, pemeriksa akan menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
  - b. Selepas itu, pemeriksa akan membaca karangan tersebut untuk kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria penskoran.
  - c. Karangan yang kurang daripada 200 patah perkataan akan diperiksa seperti biasa oleh pemeriksa. Namun demikian, markah keseluruhan akan terjejas disebabkan calon tidak dapat memenuhi kehendak soalan, iaitu karangan perlu ditulis antara 200 hingga 250 patah perkataan.

## KRITERIA PEMARKAHAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26-30 (28-30) (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
Kepujian	20-25 (23-25) (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
Memuaskan	15-19 (17-19) (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut masih Sistem Ejaan Rumi Baru.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa yang digunakan <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih relevan</b> dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>

Kurang Memuaskan	10-14 (12-14) (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li><b>Kesalahan-kesalahan tatahahasa ketara.. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi kesalahan ejaan yang ketara.</b></li> <li>• Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>• Wacananya kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi.</li> <li>• Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiannya kurang jelas.</li> </ul>
Pencapaian Minimum	01-09 (06-09) (01-05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

## PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1- KARANGAN BAHAGIAN B

### A. Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti hiasa
  - b. Terlalu panjang- periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah

Tiada tajuk                    tolak 1 markah  
 Tiada nama penulis      tolak 1 markah

4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan yang berulang.

### PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN B

<b>PERINGKAT/ MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
<b>Cemerlang</b> <b>(80-100)</b>  <b>A- 90-10</b> <b>B- 80-89</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca betul.</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>• Idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>• Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<b>Kepujian</b> <b>(66-79)</b>  <b>A- 73-79</b> <b>B- 66-72</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat.</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca betul.</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>• Idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan</li> </ul>

	<p>dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>• Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa masih hervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<p><b>Baik</b> <b>(5I-65)</b></p> <p>A- 58-65 B- 5I-57</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca masih betul.</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Idea masih relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan masih jelas, disertakan dengan contoh yang masih sesuai.</li> <li>• Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.</li> <li>• Wacana masih lengkap .</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa masih hervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa.</li> <li>• Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa kurang berkesan.</li> </ul>
<p><b>Memuaskan</b> <b>(36-50)</b></p> <p>A- 43-50 B- 36-42</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata terhad.</li> <li>• Penggunaan ayat yang kurang gramatis.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Laras bahasa kurang sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum dan terhad.</li> <li>• Idea masih relevan mengikut tugasan, namun huraian isi kurang jelas disertakan dengan contoh yang kurang sesuai.</li> <li>• Pengolahan kurang menarik dan pemerengganan kurang sesuai.</li> <li>• Wacana masih/ kurang lengkap.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa</li> <li>• Penggunaan ungkapan seperti peribahasa,pantun,cogan kata atau frasa kurang berkesan.</li> </ul>

<b>Kurang Memuaskan (21-35)</b>  A- 28-35 B- 21-27	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata kurang tepat.</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.</li> <li>• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>• Idea masih relevan/ bercampur aduk mengikut tugasan,</li> <li>• Huraian isi tidak jelas/ tidak berkembang, disertakan dengan contoh yang tidak sesuai.</li> <li>• Pengolaban tidak menarik dan pemerengganan tidak seimbang.</li> <li>• Wacana tidak lengkap.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa.</li> <li>• Penggunaan ungkapan seperti peribahasa,pantun,cogan kata atau frasa lemah.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimum (01-20)</b>  A- 11-20 B- 01-10	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan penggunaan kata dan ayat tidak gramatis</li> <li>• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>• Idea yang bercampur aduk</li> <li>• Huraian tidak jelas/ tidak berkembang.</li> <li>• Contoh tidak sesuai.</li> <li>• Pengolaban tidak menarik</li> <li>• Pemerengganan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• Wacana tidak lengkap.</li> <li>• Gaya bahasa lemah dan tidak menarik dari segi keindahan bahasa.</li> <li>• Penggunaan ungkapan seperti peribahasa,pantun,cogan kata atau frasa lemah dan tidak menarik.</li> <li>• Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami.</li> </ul>

#### Perlu Diberi Perhatian

1. Adakah calon menjawab tugasan ? (tema).
2. Adakah idea calon relevan mengikut tugasan ?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?

**Peraturan Pemarkahan Bahagian B****SOALAN 1**

Khidmat bimbingan dan kaunseling di sekolah dapat membantu pelajar menangani masalah peribadi, akademik dan kerjaya.

Huraikan faedah-faedah yang anda peroleh melalui khidmat bimbingan dan kaunseling.

**DIMENSI : INDIVIDU**

**SKOP : Remaja dan Cabaran (Unit 2 Ting.4)**

- a. Format : tiada
- b. Diharapkan calon dapat:  
menjelaskan faedah-faedah yang diperoleh melalui khidmat kaunseling.
- c. Kemungkinan:
  - i. Pelajar menceritakan masalah dirinya- diterima **Baik Bawah** (markah 51-57)
  - ii. Pelajar menjelaskan faedah-faedah yang diperoleh para pelajar secara umum – diterima **Kepujian** (markah 66-79)

Isi Cadangan

- Masalah peribadi/ keluarga pelajar dapat ditangani.
- Masalah akademik pelajar dapat diatasi.
- Masalah pergaulan antara rakan sebaya dapat diatasi.
- Pembangunan personaliti pelajar dapat dibina melalui bimbingan kaunseling.
- Maklumat kerjaya dalam bidang pendidikan terutamanya pascasekolah dapat membantu pelajar.
- Motivasi kendiri pelajar dapat ditingkatkan.
- Pengurusan masa yang lebih teratur.

**SOALAN 2**

Selaku Pegawai Kesihatan Daerah, anda diminta untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk ‘Amalan Baik dalam Penjagaan Kesihatan’ sempena Hari Kesihatan Sedunia kepada masyarakat setempat.

Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.

**DIMENSI : MASYARAKAT**

**SKOP : Gaya Hidup Sihat (Unit 8 Ting. 4)**

a. Format : ceramah

- i. Tolak jika: tiada kata alu-aluan 1m
  - ii. Tiada kata penghadapan 1m
  - iii. Tiada penutup 1m
- \*maksimum tolak 2 markah

b. Diharapkan calon dapat:  
menghuraikan langkah-langkah ke arah amalan baik dalam penjagaan kesihatan.

c. Kemungkinan:

- i. Calon menghuraikan isi-isi lain seperti kesan-kesan, faedah-faedah dan sebagainya (langsung tidak menghuraikan langkah mewujudkan amalan baik dalam penjagaan kesihatan) – diterima Baik (51-65)
- ii. Sekiranya calon mencampuradukkan langkah-langkah dan idea-idea lain seperti kesan, faedah dan sebagainya – diterima Kepujian Bawah ( 66-72)

Isi Cadangan

- Mengamalkan pemakanan yang seimbang.
- Menjaga kebersihan tempat tinggal.
- Pemeriksaan kesihatan yang konsisten/berkala.
- Amalan riadah/ bersenam.
- Amalan gaya hidup sihat.
- Mengamalkan ajaran agama.

**SOALAN 3**

Guru memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi berilmu.

Ulaskan pernyataan tersebut.

**DIMENSI : NEGARA:**

**SKOP : Pendidikan (Unit 2 Ting. 5)**

- a. Format : tiada
- b. Diharapkan calon dapat:  
menghuraikan peranan / sumbangan guru dalam melahirkan generasi berilmu dari aspek akademik dan bukan akademik.
- c. Kemungkinan: tiada

Isi Cadangan

- Guru menyuburkan budaya intelek/ ilmu pengetahuan
  - menggalakkan pemikiran inovatif/ analitis dalam usaha pencarian ilmu yang berterusan dalam kalangan pelajar
  - usaha melalui pelbagai program yang menajamkan minda pelajar
- Guru mengembangkan nilai kerohanian pelajar
- Guru memperkemas/ memantapkan perkembangan emosi pelajar
  - bersedia menghadapi cabaran dan menggalas tanggungjawab menuntut ilmu/ tidak jemu menuntut ilmu dan tahu mengaplikasi ilmu dalam kehidupan
- Guru pencetus/ pemangkin untuk pelajar melibatkan diri dalam proses membina negara bangsa
- Meningkatkan pemahaman pelajar tentang aspirasi negara
- Guru menggalakkan perkembangan/ penguasaan ICT dalam kalangan pelajar
- Guru memupuk kemahiran insaniah – kemahiran komunikasi, pengucapan awam.

**SOALAN 4**

Penyertaan pelajar dalam pelbagai program dan pertandingan di peringkat antarabangsa dapat mengharumkan nama negara di mata dunia.

Jelaskan manfaat-manfaat yang diperoleh melalui penyertaan dalam program dan pertandingan itu.

**DIMENSI : ANTARABANGSA**

**SKOP : Pendidikan (Unit 2 Ting. 5)**

- a. Format : tiada
- b. Diharapkan calon dapat:  
menghuraikan manfaat-manfaat yang diperoleh pelajar melalui penyertaan dalam program dan pertandingan di peringkat antarabangsa.
- c. Kemungkinan:
  - i. Calon menghuraikan faedah-faedah menyertai program dan pertandingan di dalam negara – diterima **Baik** (51-65).
  - ii. Calon menjelaskan faedah-faedah menyertai program dan pertandingan untuk dirinya sahaja dan bukannya mengharumkan nama negara – diterima dan diperiksa seperti biasa.
  - iii. Calon mencampuradukkan faedah-faedah menyertai program dan pertandingan di dalam negara dan di luar negara.- diterima **Kepujian Bawah** (66-72)

**Isi Cadangan**

- Contoh program: Program pertukaran pelajar, misi keamanan, misi bantuan kemanusiaan, *Global Leadership*
- Contoh pertandingan: Intel-Isef, I-sweep, Inepo, IRO, Debat Antarabangsa, World Scholar's Cup, Robotik.
- Para pelajar dapat menyerahkan bakat sedia ada hingga ke peringkat antarabangsa.
- Dapat menimba pengalaman/ilmu di negara orang serta bertukar-tukar pendapat/budaya melalui pergaulan dengan peserta-peserta luar.
- Meluaskan pengalaman sehingga ke peringkat antarabangsa.
- Masyarakat antarabangsa akan mengiktiraf kemampuan para pelajar Malaysia yang menonjolkan bakat sehingga peringkat antarabangsa.
- Para peserta dari negara ini akan bersungguh-sunggub membuat penyelidikan untuk dipertandingkan ke peringkat antarabangsa dan mengharumkan nama negara.

**SOALAN 5**

*adat sezaman ditinggal jauh  
adat agama dipandang remeh  
adat kuning menjadi ikutan*

Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada Sajak ‘Adat Sezaman’ yang membawa maksud sikap masyarakat yang semakin melupakan adat resam, memandang remeh ajaran agama dan mengamalkan budaya kuning.

Huraikan peranan masyarakat untuk membentuk sahsiah terpuji dalam kalangan remaja.

**DIMENSI : SASTERA**

**SKOP : Kemanusiaan Sejagat (Unit 1 Ting.5)**

- a. Format : tiada
- b. Diharapkan calon dapat:  
menghuraikan peranan masyarakat untuk membentuk sahsiah terpuji dalam kalangan remaja.
- c. Kemungkinan: tiada

Isi Cadangan

- Ibu bapa/keluarga - menjadi suri teladan
- Guru / sekolah – menerapkan nilai-nilai murni di dalam kelas/ di luar kelas
- Masyarakat – bersikap peka/ tegur-menegur
- Masyarakat - mengimarahkan program-program di masjid
- Media – menyiarkan program-program yang bersesuaian/ Peranan Lembaga Penapis Filem
- Kerajaan – menyekat kemasukan budaya kuning seperti konsert artis luar.
- Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) – mendekati golongan remaja dengan program yang dianjurkan. ABIM (Angkatan Belia Islam), AWAM (All Women’s Action Society), Raudhatus Sakinah.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**